

# Malaysia import makanan RM75.6 billion tahun lalu

**Industri antara penyumbang utama ekonomi dapat permintaan tinggi, berterusan**

Oleh Mohd Zaky Zainuddin

zaky@bh.com.my

**Malaysia** mengimport produk makanan bernilai RM75.6 billion pada 2022 berbanding eksport bernilai RM44.6 billion, demikian menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ini menjadikan perdagangan produk makanan Malaysia berjumlah RM120.2 billion tahun lalu, peningkatan sebanyak 31.8 peratus atau RM29 billion berbanding tahun sebelumnya.

Industri makanan adalah antara penyumbang utama kepada ekonomi negara yang mempunyai permintaan yang tinggi dan berterusan.

Ketua Perangkawannya, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Ma-

hidin, berkata peningkatan yang tinggi dalam import berbanding eksport produk makanan mendorong peningkatan defisit perdagangan berjumlah RM31 billion pada 2022.

Beliau berkata, sejak 32 tahun lalu, trend eksport dan import makanan di Malaysia dilihat tidak menentu dengan pertumbuhan eksport tertinggi dicatatan pada 2008 (20.6 peratus) dan pertumbuhan import memuncak pada tahun lalu (41.3 peratus).

“Singapura kekal sebagai negara destinasi utama dengan sumbangan 19.1 peratus kepada jumlah eksport makanan Malaysia pada tahun lalu. China negara destinasi kedua tertinggi eksport makanan dengan nilai RM5.6 billion.

“Negara asal utama produk makanan Malaysia pada 2022 di dominasi oleh China bernilai RM8.7 billion (11.5 peratus daripada import makanan), diikuti Argentina (RM7.9 billion) dan

Thailand (RM7 billion),” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Mohd Uzir berkata, industri pemprosesan makanan di Malaysia memainkan peranan penting terhadap pertumbuhan ekonomi, memberikan sumbangan 1.6 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar dengan nilai ditambah sebanyak RM28.1 billion dalam sektor pembuatan pada 2022.

inisiatif untuk memastikan bekalan berterusan pada harga berpatutan, antara lain melalui pengimportan.

“Peningkatan hasil melalui teknologi penanaman fertigasi cili tempatan mengurangkan kebergantungan kepada import. Malaysia mengeksport kopi dan pengganti kopi dengan nilai RM1.2 billion pada 2012 meningkat kepada RM2.4 billion pada 2022,” katanya.

Beliau menambah, keterjaminan makanan adalah suatu aspek kesejahteraan rakyat yang penting dan sentiasa menjadi agenda utama pada peringkat global.

Katanya, Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025 diperkenalkan bagi tujuan memperbaikkan sumber dalaman dan pada masa sama mempelbagaikan sumber import bagi memastikan kesiapsiagaan negara dalam mendepani krisis keterjaminan makanan.

“Dalam hal ini, Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) boleh menyumbang pengukuhan rantai nilai aktif dengan rakan perdagangan untuk mengekalkan sekuriti makanan utama Malaysia dan tanaman lain,” katanya.



Mohd Uzir Mahidin

## Eksport meningkat

Beliau berkata, perdagangan buah-buahan Malaysia berkembang pesat daripada RM427.8 juta pada 1990 kepada RM6.1 billion pada

2022.

Selain itu, katanya sektor dagang di Malaysia turut mengalami pertumbuhan ketara dengan eksport meningkat daripada RM11.1 juta pada 2020 kepada RM21.3 juta pada 2022.

“Sementara itu, keperluan terhadap produk tenusu yang mengatasi pengeluaran tempatan, mendorong kerajaan untuk melaksanakan pelbagai usaha dan